



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 12/2017 dari 19 Mac hingga 25 Mac 2017)

Hasil pemantauan yang berterusan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga minggu ke-12 tahun 2017, jumlah keseluruhan kes Denggi yang dilaporkan sehingga 25 Mac 2017, ialah sebanyak 21,946 kes berbanding 35,060 kes pada tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 37.4%.


Pada minggu ke-12 tahun 2017, iaitu dari 19 hingga 25 Mac 2017, sejumlah 1,786 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu penurunan sebanyak 56 kes (3.0%) berbanding 1,842 kes pada minggu sebelumnya. Namun, terdapat lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan, Terengganu, Perlis dan Pahang. Bagi tempoh yang sama, terdapat tiga (3) kes kematian dilaporkan yang menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga 25 Mac 2017 adalah sebanyak 50 kematian, berbanding 85 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 35 kematian (41.2%).

Terdapat sebanyak 676 lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif pada minggu ke-12. Selain itu, terdapat 117 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan 6 buah negeri iaitu di Selangor (73 lokaliti), Perak (23 lokaliti), WPKL & Putrajaya (11 lokaliti), Negeri Sembilan (6 lokaliti), Johor (3 lokaliti) dan Kelantan (1 lokaliti).

Pada minggu ke-12 tahun 2017 iaitu dari 19 Mac hingga 25 Mac 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima sebanyak lima (5) kes Chikungunya iaitu dua (2) dilaporkan dari Baling dan tiga (3) dari Kuala Muda, Kedah yang menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari 15 Februari 2017 hingga 25 Mac 2017 adalah sebanyak 86 kes iaitu 68 kes dari Kedah dan 18 kes dari Selangor.

KKM juga memantau jangkitan Zika dan menurut laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 10 Mac 2017, terdapat sebanyak 84 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika. Di Malaysia, sebanyak lapan (8) kes disahkan positif jangkitan virus Zika yang telah dilaporkan sepanjang tempoh dari 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2016. Pemantauan sistem surveilan virus Zika dari 1 Januari sehingga 25 Mac 2017 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 487 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah semuanya negatif.

Walaupun jumlah kes dan kematian Denggi berkurangan dalam beberapa minggu ini, namun didapati terdapat peningkatan pada bilangan lokaliti wabak dan hotspot. Antara strategi utama pencegahan Demam Denggi, pasukan COMBI yang terdiri daripada masyarakat hendaklah menjadi agen perubahan (*change agent*) kepada komuniti setempat. Pasukan COMBI boleh menggerakkan penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti pembersihan yang melibatkan aktiviti penghapusan tempat pembiakan Aedes dilakukan setiap minggu. **Tiada Aedes, Tiada Denggi dan Chikungunya.**

  
**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**31 MAC 2017**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 12/2017  
(19 Mac hingga 25 Mac 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 12/2017		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 12/2016	
		Minggu 12 (19 Mac – 25 Mac 2017)		Minggu 11 (12 Mac – 18 Mac 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	3	0	48	0	69	0
2	Kedah	17	0	25	0	320	1	255	1
3	P. Pinang	42	0	44	0	485	4	1,490	9
4	Perak	152	1	191	0	1,982	6	1,429	3
5	Selangor	930	0	949	1	11,598	12	18,205	29
6	WP KL & Putrajaya	233	0	197	0	1,932	9	2,319	4
7	N. Sembilan	115	1	97	0	897	7	933	10
8	Melaka	23	0	25	0	469	0	744	1
9	Johor	103	0	125	0	1,540	4	5,053	8
10	Pahang	37	1	36	0	566	1	906	4
11	Terengganu	9	0	5	0	85	0	1,339	11
12	Kelantan	64	0	69	1	1,081	2	747	1
13	Sarawak	27	0	33	0	421	1	585	3
14	Sabah	30	0	43	0	519	3	984	1
15	WP Labuan	0	0	0	0	3	0	2	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,786</b>	<b>3</b>	<b>1,842</b>	<b>2</b>	<b>21,946</b>	<b>50</b>	<b>35,060</b>	<b>85</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

## Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 12/2017  
(19 Mac hingga 25 Mac 2017)**

BIL	NEGERI	DAERAH / ZON / PBT	LOKALITI	JUMLAH KES	TEMPOH WABAK BERLAKU (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	128	235
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	94	135
3	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	38	123
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	31	108
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8 )	24	93
6	SELANGOR	Gombak	Kg Simpang 3 (Jln Changkat)	20	91
7	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	43	88
8	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	27	88
9	PERAK	Kinta	Tmn Shatin	27	83
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 ( Flat Jln 17/2, 17/24, 17/26 : Blok 1 - 10 )	29	80
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 8)	48	79
12	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	30	78
13	SELANGOR	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	28	78
14	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	28	76
15	PERAK	Kinta	Kg Baru Buntong	23	75
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	23	75
17	PERAK	Kinta	Tmn Sri Tanjung	43	74
18	PERAK	Kinta	Tmn Intan	21	74
19	WPKL	Cheras	Apartment Lumayan, Bdr Sri Permaisuri	26	73

20	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	27	72
21	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 1 (Jln Sb Indah 1/2-1/9)	19	70
22	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 8	16	70
23	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	16	69
24	SELANGOR	Gombak	Tmn Greenwood	15	68
25	SELANGOR	Hulu Langat	Flat 610 Pandan Indah	20	68
26	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Teknologi	19	67
27	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 19-49)	25	67
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 4/1-4/9 Taman Pelangi Semenyih	29	67
29	SELANGOR	Gombak	Tmn Selaseh Fasa 2	16	65
30	SELANGOR	Sepang	Apt Kekwa	23	62
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Brunsfield Riverview )	26	60
32	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	25	60
33	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Sentang	12	60
34	N.SEMBILAN	Seremban	Tmn Satria	12	57
35	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Rasah Jaya Fasa 2	15	55
36	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Kajang Prima	23	54
37	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 4 (Jln 18/47-18/58)	16	54
38	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Bandar Teknologi	20	51
39	PERAK	Kinta	Tmn Cempaka	48	50
40	JOHOR	Johor Bharu	Lima Kedai_Flat Lima Kedai	12	50
41	WPKL	Cheras	Flat Sri Kota	19	49
42	PERAK	Kinta	Tmn Ipoh Jaya	19	49
43	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	18	47
44	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Teres C : Jln 28/21a - 28/30 )	5	47
45	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 1 : Blok 1, 2, 3	8	46

46	SELANGOR	Petaling	Seksyen U3 (Pangsapuri Daisy B : Blok 3 - 8 )	10	46
47	SELANGOR	Gombak	Appt Jelutong Selayang Height	15	46
48	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	14	46
49	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 6	13	45
50	SELANGOR	Klang	Kg Delek Baru (Lot 11691)	18	45
51	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Cahaya	11	45
52	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 10 (Sri Dahlia Apt)	5	45
53	KELANTAN	Kota Bharu	Pondok Terusan	32	45
54	PERAK	Kinta	Tmn Mewah,Ulu Kinta	21	44
55	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	7	43
56	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Ayu Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	9	43
57	WPKL	Titivangsa	Desa Pandan (Blok B)	6	42
58	SELANGOR	Klang	Sek 25 (Apt Mediterranean-A)	9	42
59	SELANGOR	Klang	T.T.G.I ( Jln Sama Gagah 18 )	23	42
60	PERAK	Kinta	Tmn Lapangan Terbang	7	42
61	SELANGOR	Gombak	Tmn Bersatu	6	41
62	PERAK	Kinta	Tmn Pertama	16	41
63	PERAK	Kinta	Kg Paloh	8	41
64	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Indah (Jln. Indah 12 - 20)	7	40
65	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Setia Balakong	6	40
66	PERAK	Kinta	Regrouping Area,Menglembu	19	40
67	PERAK	Kinta	Tmn Wangi	8	40
68	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana (Jln Teratai)	7	40
69	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2/3 Seksyen 2 Bandar Sri Putra	7	39
70	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat B : Blok 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20 )	16	39

71	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Cempaka (Jln. Bbn 6/1a - 6/1r)	9	39
72	PERAK	Kinta	Pekan Razaki	25	39
73	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	8	39
74	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Jaya)	16	39
75	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Tmn Medan ( Teres B : Jln Pjs 2d/2, 4, 5 - 12, 14 )	10	39
76	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/2)	11	38
77	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (J)	7	38
78	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6 Flat Pelangi Damansara (D, E, F)	10	38
79	SELANGOR	Sepang	Apt Dahlia Court, Bbst	8	38
80	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	13	38
81	WPKL	Cheras	Ppr Desa Petaling	8	37
82	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 3	9	37
83	PERAK	Kinta	Tmn Merdeka	7	37
84	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat Blok F)	6	36
85	PERAK	Kinta	Kg Manjoi	8	36
86	SELANGOR	Sepang	Kuarters Hospital Serdang	13	36
87	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 16 - Parcel Fasa 1c	5	36
88	SELANGOR	Sepang	Putra Perdana Fasa 03	6	36
89	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 2 : Blok 4, 5 , 6	5	36
90	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	7	35
91	SELANGOR	Petaling	Tmn Mutiara Puchong	8	35
92	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Cenderawasih 2	10	35
93	SELANGOR	Gombak	Kg Simpang 3 (Jalan Dewan)	9	35
94	WPKL	Titivangsa	Ppr Air Panas (Blok A,B,C,D)	6	35
95	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	10	34
96	SELANGOR	Klang	P'puri Pandamar Indah (Blok C,D&E)	8	34

97	SELANGOR	Gombak	Appt Residensi Bistaria	16	34
98	SELANGOR	Gombak	Appt Julia	15	34
99	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Sungai Ramal Luar	4	34
100	SELANGOR	Klang	Seksyen 17 (Padang Jawa E Jln Berangan)	8	33
101	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 9 Putra Harmoni	26	33
102	PERAK	Kinta	Tmn Tawas Permai	9	33
103	PERAK	Kinta	Tmn Menglembu Impiana Adril	5	33
104	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 2 Bandar Bukit Mahkota	10	33
105	SELANGOR	Sepang	Taman Mawar	9	33
106	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi (Upnm)	24	32
107	PERAK	Kinta	Tmn Mayfair	10	32
108	PERAK	Kinta	Tmn Shatin Baru	6	32
109	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Seri Teluki Bs	6	32
110	SELANGOR	Gombak	Appt Laguna Biru	23	31
111	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	6	31
112	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 ( Kg Baru Hicom : Jln Bunga Melor )	5	31
113	WPKL	Cheras	Desa Tasik Awam(Blok 2,4,6)	4	31
114	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 5 Flat Desa Ria	6	31
115	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Kemuning	8	31
116	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cempaka Blok 1-14	11	31
117	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_Jln Tembikai 11-44	8	31